

PERSEDIAAN MENJADI TETAMU RAMADHAN

Bulan Ramadhan al-Mubarak akan menjengah tidak lama lagi. Pastinya Ramadhan kali ini memberikan khabar gembira dikala kita kembali dibenarkan untuk melaksanakan ibadah dengan lebih sempurna tanpa sebarang kekangan terutamanya pelaksanaan ibadah di dalam masjid dan surau. Ia sebenarnya hadiah yang cukup bermakna dari Allah S.W.T kepada hambanya bersempena menyambut Ramadhan al-Mubarak. Sebagai tanda mensyukuri nikmat ini, maka penuhilah rumah-rumah Allah terutamanya pada bulan Ramadhan dengan menggandakan amal ibadah agar kita terus dilimpahi rahmat dan kurniaan dari Allah S.W.

Antara amalan yang dianjurkan kepada kita ialah memperbanyakkan doa kepada Allah SWT supaya kita diberikan kesempatan dan kesihatan yang baik untuk bertemu dengan Ramadhan kali ini agar kita dapat melaksanakan ibadah puasa dan ibadah-ibadah yang lainnya. Antara doa yang boleh diamalkan ialah:

اللَّهُمَّ أَهْلُهُ عَلَيْنَا بِالْأَمْنِ وَالْإِيمَانِ، وَالسَّلَامَةِ وَالْإِسْلَامِ، رَبِّي وَرَبُّكَ اللَّهُ

Maksudnya:

Ya Allah, terbitkanlah ke atas kami bulan dengan membawa keamanan dan keimanan, keselamatan, keislaman, tuhanku dan tuhanmu ialah Allah.

Dan di antara kurniaan hebat yang diberikan Allah S.W.T kepada hambaNya adalah ketika mana kita diberikan kemampuan untuk melakukan ibadah dan ketaatan. Maka, jangan kita lupa untuk mensyukuri nikmat ini dengan memperbanyakkan pujian dan syukur kepada pencipta kita Rabb al Jalil.

Disamping itu, kita juga haruslah bergembira dengan kedatangan Ramadhan, kerana bulan yang hebat ini datang membawa pelbagai kelebihan dan keistimewaan yang tersendiri. Walaupun bulan ini menghalang kita daripada menikmati juadah di siang hari akan tetapi ia memberikan kita tarbiah yang cukup bermakna untuk mengambil ibrah dari bulan Ramadhan. Para sahabat sangat bergembira dengan kedatangan Ramadhan dan sangat menantikan kehadirannya kerana mereka amat mengetahui kehebatannya. Hadis daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

أَتَاكُمْ رَمَضَانُ شَهْرٌ مُبَارَكٌ، فَرَضَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ عَلَيْكُمْ صِيَامَهُ، تَفْتُحُ فِيهِ أَبْوَابُ
السَّمَاءِ، وَتُغْلَقُ فِيهِ أَبْوَابُ الْجَحِيمِ

Telah datang kepada kamu bulan Ramadhan, bulan yang penuh keberkatan. Allah telah mewajibkan kepada kamu untuk berpuasa. Pada bulan itu Allah membuka pintu-pintu syurga dan menutup pintu-pintu neraka.”

(Hadis Riwayat an Nasaie)

Selain itu, hendaklah kita mempersiapkan mental, fizikal dan rohani kita supaya dapat membantu proses penyucian jiwa dan nafsu. Untuk itu, memperbanyakkanlah membaca dan ulang kaji terutamanya isu-isu berkaitan tentang keutamaan, hukum dan hikmah puasa serta bertanyalah kepada orang berilmu agar kita lebih memahaminya. Seharusnya setiap mukmin melakukan ibadah berlandaskan ilmu yang benar. Firman Allah S.W.T dalam surah al Anbiya' ayat ke 7 :

فَسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya:

“Maka bertanyalah kepada orang-orang yang berilmu, jika kamu tidak mengetahui.”

Sementara itu, aturkanlah aktiviti dalam Ramadhan dengan lebih rapi dengan kaedah mewujudkan jadual khusus untuk Ramadhan. Dengan adanya jadual sebegini, sudah pasti kita dapat merancang amalan-amalan yang boleh dilaksanakan sepanjang Ramadhan supaya kita tidak terlepas dari melakukan amalan-amalan yang menghadirkan ganjaran yang besar lantaran dapat mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. Bertekadlah untuk beribadah sebanyak mungkin kerana ramadhan merupakan suatu tempoh masa yang sangat singkat. Kerana itu, isilah setiap detiknya dengan amalan yang berharga.

Jelaslah bahawa, Ramadhan merupakan sebuah bulan yang penuh dengan pelbagai manfaat yang seharusnya kita rebuti. Janganlah kita alpa dan leka dibuai dengan kesibukan dunia hingga kita lalai untuk menyedari bahawa adanya sebuah bulan yang hebat seperti ini. Kehebatan bulan Ramadhan ini hanya dapat dirasai oleh umat Nabi Muhammad S.A.W. sahaja, maka perolehilah setiap kelebihan yang ada di dalamnya. Hadis daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ، إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا، غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Maksudnya:

Barangsiapa yang berpuasa di bulan Ramadhan dengan penuh keimanan dan pengharapan, maka akan diampunkan dosanya yang telah lalu.

(Hadis Riwayat al-Bukhari)

Justeru, raikanlah Ramadhan dengan membuka lembaran baru yang bersih disamping ruang pengibadatan sudah dibuka seluasnya kepada kita. Perbanyakkan istigfar dan pohonkanlah keampunan dari Allah S.W.T agar segala kekhilafan kita sebelum ini segera diampunkan olehNya. Jagalah hubungan yang baik antara manusia, bermaafkanlah antara satu sama lain dan janganlah lupa untuk berpesan-pesan kepada ahli keluarga dan saudara mara supaya tidak akan ada yang tertinggal dari rahmat Allah S.W.T. Semoga ramadhan kali ini akan lebih baik dari sebelumnya. InsyaAllah.

Disediakan oleh

Bahagian Maktabah

Jabatan Mufti Negeri Perak

25 Mac 2022M / 22 Syaaban 1443H